


Pengertian Haji

Haji menurut bahasa ialah menuju ke suatu tempat berulang kali atau menuju kepada sesuatu yang dibesarkan.

2 Haramain Dan Maqam Rasulullah




4 Rukun Ka'bah



4 Rukun Ka'bah

1. **Rukun Iraqi** terletak di sebelah Utara
2. **Rukun Syami** terletak di sebelah Barat
3. **Rukun Yamani** terletak di sebelah Selatan
4. **Rukun Hajar Aswad** terletak di sebelah Timur

Ka'bah Dan Ruangan Tawaf



Syarat Wajib Haji dan Umrah

1. Islam – tidak wajib pada bukan Islam
2. Berakal – tidak wajib kepada orang gila atau terlalu bodoh
2. Baligh – (cukup umur), tidak wajib kepada kanak-kanak yang belum baligh
4. Merdeka, bukan hamba sahaya
5. Berkuasa pergi ke Makkah untuk mengerjakan Haji dan Umrah.

Kuasa

1. Berkuasa dengan sendirinya
2. Berkuasa dengan pertolongan orang lain

Berkuasa Dengan Sendirinya

1. Berkuasa membayar tambang-menambang dan segala perbelanjaan bagi pekerjaan haji hingga selesai dan balik ke tempatnya.
2. Mempunyai bekal yang cukup untuk saraan dan nafkah orang yang di bawah tanggungannya
3. Ada kendaraan pergi dan balik
4. Aman di dalam perjalanan pergi dan balik, seperti tidak ada peperangan, perompak yang mengancam diri atau harta bendanya, atau tidak ada penyakit yang membahayakan tubuh badannya.

Berkuasa Dengan Sendirinya - sambungan

5. Sehat tubuh badan
6. Ada masa untuk mengerjakan haji dan umrah
- 7. Kaum wanita pergi dengan mahramnya**
- 8. Dengan orang-orang yang boleh percayai.**

Berkuasa Dengan Pertolongan Orang Lain

1. Sudah mencukupi syarat - kewangan
2. Tidak dapat mengerjakan sendiri
3. Uzur atau sakit tidak ada harapan sembuh
4. Terlalu tua umurnya
5. Telah putus asa dan yakin tidak dapat menunaikan (fardu haji) – maka bolehlah digantikannya dengan orang lain untuk mengerjakan hajinya

Berkuasa Dengan Pertolongan Orang Lain - sambungan

6. Begitu juga dengan orang yang telah meninggal dunia yang berupaya semasa hayatnya – terhutanglah fardu haji keatasnya.
7. Warisnya atau orang yang menerima wasiatnya menyelenggarakan hutang hajinya iaitu dengan memberi upah yang berpatutan atau sukarela **(Badal Haji)**

Syarat Orang Yang Mengerjakan Haji Badal

1. Dia telah menunaikan haji dirinya terlebih dahulu.
2. Dalam satu musim haji, hanya untuk seorang sahaja.
3. Berihram dari miqat.
4. Mengerjakan haji atau umrah dengan sepenuhnya.

Hikmat Dan Fadilat Haji

1. Melatih umat Islam yang berada diseluruh alam ini, supaya bersatu haluan dalam meninggikan syiar Islam.
2. Ibadat haji merupakan lambang perpaduan umat Islam
3. Melontar pula, adalah melambangkan tanda kesucian rohani
4. Sa'ie mencerminkan peristiwa Siti Hajar isteri Nabi Ibrahim a.s. berlari ulang-alik mencari air untuk anaknya Nabi Ismail a.s.
5. Manusia adalah makhluk Allah s.w.t. yang paling istimewa sekali jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain

Hikmat Dan Fadilat Haji - sambungan

Sabda Baginda s.a.w.

“Barangsiapa menunaikan haji ke Baitullah sedangkan ia tidak melakukan persetubuhan dan perkara-perkara yang di larang, maka bersihlah ia dari dosanya seperti pada hari ia dilahirkan oleh ibunya” – (Bukhari dan Muslim)

Hikmat Dan Fadilat Haji - sambungan

Sabda Baginda s.a.w.

“Dosa yang berlaku di antara umrah adalah di hapuskan dan tidak ada balasan bagi haji yang mabrur (yang di terima) melainkan syurga.”

– (Bukhari dan Muslim)

Syarat-Syarat Wajib Haji

1. Islam – tidak wajib bagi orang kafir
2. Mukallaf – tidak wajib bagi seorang yang gila
3. Merdeka – tidak wajib bagi seorang hamba
4. Berkuasa – tidak wajib bagi orang bagi orang yang tidak berkuasa melakukannya

Bagi orang-orang yang tidak mempunyai syarat-syarat yang tersebut, tidak diwajibkan baginya ibadat haji. Bagi orang-orang yang mempunyai syarat-syarat tersebut, maka wajiblah baginya melaksanakan ibadat haji.

Bolehkah Berhutang Untuk Mengerjakan Haji

Baginda Rasulullah s.a.w. menerangkan dengan maksudnya:

“Saya telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang orang yang belum berhaji, apakah harus ia berhutang untuk mengerjakan haji?”

Nabi s.a.w. menjawab: *“Tidak”*

- (Al-Bukhari)

Haji Orang Yang Sakit Merana

Apabila orang sakit merana, tidak dapat bergerak, seperti lumpuh, lalu menyuruh seorang lain untuk mengerjakan haji atas namanya, maka haji yang dikerjakan oleh orang itu atas namanya sudah mencukupi

Haji Anak Kecil

Apabila seorang anak kecil mengerjakan ibadat haji, maka hajinya itu sah dan diberi pahala terhadap ibadatnya itu. Walau bagaimana pun, hajinya tidak merupakan haji yang wajib, kerana anak kecil itu belum baligh, ia harus mengerjakan hajinya, setelah sampai umur.

Haji Wanita

1. Seseorang wanita yang hendak mengerjakan haji, mestilah ditemani oleh suaminya atau mahramnya.
2. Sekiranya kedua-duanya tidak ada, maka wanita itu tidak wajib mengerjakan haji.

Haji Untuk Orang Lain

Al-Fadhal Ibnu Abbas, ujarnya:

Sesungguhnya seorang wanita dari golongan Khas'am berkata: *“ Ya Rasulullah, difardukan Allah atas hambaNya haji. Ayah saya sekarang sudah sangat tua, tidak lagi sanggup duduk diatas kendaraan, apakah boleh saya berhaji atas namanya ”*

Baginda menjawab: *“Ya, boleh”*

- (Ibnu Abbas)

Haji Dengan Wang Haram

Tidak sah haji yang dilakukan dengan harta haram.

Mengingati hadis Nabi Muhammad s.a.w. dengan maksud: *“Sesungguhnya Allah adalah bersih, Allah tidak menerima, kecuali yang bersih (yang baik).”*

- (Ahmad Termidzi)